

06 JUN 1999

Daim-Kelantan

KERAJAAN KELANTAN MESTI PATUHI SEMUA SYARAT JIKA MAHUKAN RM600 JUTA

KOTA BAHARU, 6 Jun (Bernama) -- Kerajaan Kelantan belum menyatakan pendiriannya untuk mematuhi semua syarat bagi membolehkannya menerima pinjaman mudah RM600 juta daripada kerajaan pusat untuk membangunkan bekalan air.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin berkata walaupun pada prinsipnya pinjaman mudah itu telah diluluskan tetapi untuk menyalurkan wang berkenaan, kerajaan negeri mesti mematuhi semua syarat yang ditetapkan kerana ia bagi kepentingan rakyat.

"Mesti ikut syarat...macam bank yang bagi pinjam...kalau tak ikut syarat dia tarik balik pinjaman," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan taklimat Kemajuan Pelan Tindakan Ekonomi dan Cabaran Terkini di sini, hari ini.

Pinjaman mudah RM600 juta itu telah diluluskan secara prinsipnya sejak tiga bulan lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan negeri pimpinan PAS untuk membangunkan bekalan air seluruh negeri itu.

"Kita sedang menunggu menteri besar (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) datang untuk berbincang mengenai syarat-syarat berkenaan tetapi hingga sekarang belum datang untuk berbincang," kata Daim.

Katanya kerajaan negeri belum dapat hadir untuk berbincang dengan pihak kerajaan persekutuan mungkin kerana masalah yang belum selesai dengan Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB), syarikat yang telah ditamatkan perkhidmatan pada April lepas.

Beliau berkata kerajaan negeri juga mungkin menghadapi masalah untuk melantik syarikat-syarikat baru yang berminat untuk menjadi rakan kongsi menguruskan bekalan air itu berikutan adanya peruntukan RM600 juta.

Dalam satu kenyataan akhbarnya sempena lawatan kerja sehari ke Kelantan, Daim berkata jabatan dan agensi di setiap kementerian telah diarah bekerja lebih kuat untuk melaksanakan projek-projek yang dijadualkan di Kelantan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM1 bilion telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bagi faedah rakyat negeri ini.

Beberapa projek yang telah ditangguhkan ekoran kegawatan ekonomi, kini akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan antaranya pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra membabitkan kos RM96 juta dan Jalan Simpang Pulai (Perak)-Lojing-Gua Musang (Kelantan)-Kuala Berang (Terengganu) sejauh 287 km.

Daim juga berkata kerajaan pusat telah meluluskan pembinaan jambatan Tendong/Wakaf Che Yeh di Pasir Mas sepanjang 960 meter dengan kos RM175 juta.

Dalam lawatan sehari itu, beliau mendengar taklimat mengenai pembangunan di Kelantan di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan melawat tapak jambatan Tendong/Wakaf Che Yeh di Pasir Mas.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Shafie Apdal dan Ketua Pengarah JPP Datuk Azman Abdul Rashid.

--BERNAMA

BD MAI